

PanGlobal Insurance Berhad

(No. Syarikat 9538-M)
(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata Kewangan - 31 Disember 2008 **Bersama Laporan-laporan Pengarah dan Juru audit** (Dalam Ringgit Malaysia)

PanGlobal Insurance Berhad

(No. Syarikat 9538-M)

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan dan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Kandungan	Muka surat
Laporan para pengarah	1 – 6
Lembaranimbangan	7
Penyata pendapatan	8
Penyata perubahan ekuiti	9
Akaun hasil insurans am	10 – 11
Penyata aliran tunai	12 – 13
Nota kepada penyata kewangan	14 – 48
Penyata para pengarah	49
Akuan berkanun	50
Laporan juru audit	51 – 52

PanGlobal Insurance Berhad

(No. Syarikat 9538-M)

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan para pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

Para Pengarah dengan ini mengemukakan laporan mereka bersama penyata kewangan Syarikat yang teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

Kegiatan utama

Syarikat ini terutamanya menjalankan perniagaan pengunderaitan insurans am. Sepanjang tahun kewangan ini, tidak terdapat perubahan penting tentang jenis kegiatan tersebut .

Keputusan

	RM'000
Kerugian bersih bagi tahun	21,426 =====

Dividen

Tiada dividen dibayar sepanjang tahun dan para Pengarah tidak mengesyorkan sebarang dividen dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Rizab dan peruntukan

Sepanjang tahun kewangan tidak terdapat pemindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan melainkan apa yang terdedah dalam penyata kewangan.

Peruntukan bagi tuntutan yang belum dibayar

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan peruntukan bagi tuntutan yang bertanggung mencukupi, termasuk Tuntutan Tertanggung Tetapi Tidak Dilaporkan (IBNR).

Hutang lapuk dan ragu

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan tindakan diambil berhubung penghapusan kira hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang ragu, dan memuaskan diri mereka bahawa segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan peruntukan mencukupi disediakan untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak sedar tentang sebarang keadaan yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang telah dihapuskan atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara.

No. Syarikat 9538-M

Harta semasa

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan sebarang harta semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin dijual semasa perjalanan biasa perniagaan pada nilai yang ditunjukkan dalam penyata kewangan Syarikat telah diturun nilai kepada jumlah yang dijangka dapat diperolehi daripada jualan harta tersebut.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak sedar akan sebarang keadaan yang boleh menyebabkan nilai yang ditetapkan bagi harta semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

Kaedah penilaian

Pada tarik laporan ini, para Pengarah tidak sedar akan tertimbulnya sebarang keadaan yang menyebabkan pematuhan kaedah penilaian yang sedia ada bagi harta dan tanggungan dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.

Tanggungan luar jangka dan tanggungan yang lain

Pada tarikh laporan ini tidak terwujud:-

- (a) sebarang caj terhadap harta Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan dan yang menjamin tanggungan mana-mana pihak yang lain, atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka berkaitan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan yang lain menjadi boleh dikuatkuasakan, atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang mana mengikut pendapat para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan kemampuan Syarikat untuk menunaikan obligasinya apabila ia kena dibayar.

Bagi tujuan perenggan ini, tanggungan luar jangka dan tanggungan yang lain tidak termasuk tanggungan yang berpunca daripada kontrak-kontrak insurans yang diunderaitkan semasa perjalanan biasa perniagaan Syarikat.

Perubahan keadaan

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak sedar tentang sebarang keadaan, yang tidak sebaliknya dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat, yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

No. Syarikat 9538-M

Butiran luar biasa

Pada pendapat para Pengarah, hasil pengendalian Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 tidak dijejaskan secukup besarnya oleh sebarang butiran, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat penting dan luar biasa selain daripada peruntukan bagi manfaat pemberhentian pekerja dan perubahan nilai saksama hartanah pelaburan seperti mana yang didedahkan dalam Nota 16 dan 19 penyata kewangan masing-masingnya.

Tidak terdapat dalam tempoh diantara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini sebarang butiran, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat penting dan luar biasa yang mungkin, pada pendapat para Pengarah, menjejaskan secukup besarnya hasil pengendalian Syarikat bagi tahun kewangan dalam mana laporan ini dibuat..

Penerbitan saham

Tidak terdapat perubahan modal saham yang diterbitkan dan berbayar Syarikat sepanjang tahun kewangan ini.

Penyata tadbir urus korporat dan kawalan dalaman

Syarikat telah mematuhi segala keperluan yang diwajibkan, dan menerima pakai amalan pengurusan yang selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam JPI/GPI 25 (Disatukan): Rangka Kerja bagi Tadbir Urus Korporat Penanggung Insurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia and JPI/GPI 1 (Disatukan): Piawaian Minimum Bagi Pengurusan Berhemat Penanggung Insurans.

Lembaga Pengarah

Para Pengarah yang menyandang jawatan sejak tarikh laporan yang lepas dan rekod kehadiran mereka bagi 13 mesyuarat Lembaga yang diadakan sepanjang tahun ini adalah: -

<u>Pengarah</u>	Bil. Mesyuarat Lembaga Dihadiri
Y. Bhg. Datuk Michael Bong Thiam Joon	13/13
Asgari bin Mohd Fuad Stephens	13/13
Kelvin Philip Ong Chiang Beng	11/13
Tan Eke Luck (meletak jawatan berkuatkuasa 24.03.2008)	3/3
Fabian Wong Yin Onn (dilantik berkuatkuasa 08.04.2008)	10/10
Jun Hemmi (dilantik berkuatkuasa 19.08.2008) & (meletak jawatan berkuatkuasa 03.02.2009)	5/5

Tiga Jawatankuasa Lembaga telah ditubuhkan pada 25 Jun 2003 bagi mempertingkatkan kekesan Lembaga, iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Penggajian bagi melengkapkan Jawatankuasa Audit yang sedia ada.

No. Syarikat 9538-M

Lembaga Pengarah (disambungkan)

Jawatankuasa Audit adalah bertanggungjawab bagi menyokong Lembaga dalam pelaksanaan tanggungjawab pengawasan mereka dan kepimpinan Syarikat dengan memastikan tadbir urus korporat adalah kukuh serta keutuhan dan ketelusan proses pelaporan. Tambahan, Jawatankuasa tersebut juga memberi satu saluran komunikasi dan hubungan di antara Lembaga dan juru audit..

Komposisi Jawatankuasa Audit dan rekod kehadiran adalah seperti berikut:

Bil Mesyuarat

	Dihadiri
Kelvin Philip Ong Chiang Beng	4/6
Asgari bin Mohd Fuad Stephens	6/6
Y. Bhg. Datuk Michael Bong Thiam Joon	6/6
Tan Eke Luck (meletak jawatan berkuatkuasa 26.03.2008)	3/3
Fabian Wong Yin Onn (dilantik berkuatkuasa 09.05.2008)	2/2

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah bertanggungjawab bagi mengawasi kegiatan pengurusan kanan dalam menguruskan bidang-bidang risiko Syarikat yang utama dan memastikan proses pengurusan risiko terwujud dan berjalan secara berkesan.

Tiada mesyuarat diadakan sepanjang tahun tersebut.

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan adalah bertanggungjawab bagi mencadangkan perlantikan baru para Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga dan pegawai-pegawai kanan yang utama serta membangun satu mekanisme yang objektif dan telus bagi penilaian rasmi kekesanan Lembaga keseluruhannya,, sumbangan setiap Pengarah individu dan penilaian prestasi pegawai-pegawai utama.

Komposisi Jawatankuasa Pencalonan dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

	Bil. Mesyuarat Dihadiri
Asgari bin Mohd Fuad Stephens	3/3
Kelvin Philip Ong Chiang Beng	3/3
Y. Bhg. Datuk Michael Bong Thiam Joon	3/3
Tan Eke Luck (meletak jawatan berkuatkuasa 26.03.2008)	3/3
Fabian Wong Yin Onn (dilantik berkuatkuasa 09.05.2008)	1/1

Jawatankuasa Penggajian

Jawatankuasa Penggajian adalah bertanggungjawab bagi pembangunan dasar dan rangka kerja yang berkaitan penggajian para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai yang utama serta menetapkan pakej penggajian khusus.

No. Syarikat 9538-M

Lembaga Pengarah (disambungkan)

Jawatankuasa Penggajian (disambungkan)

Komposisi Jawatankuasa Penggajian dan rekod kehadiran adalah seperti berikut:

	Bil Mesyuarat Dihadiri
Asgari bin Mohd Fuad Stephens	1/1
Y. Bhg. Datuk Michael Bong Thiam Joon	1/1
Tan Eke Luck (meletak jawatan berkuatkuasa 26.03.2008)	3/3
Fabian Wong Yin Onn (dilantik berkuatkuasa 09.05.2008)	Tiada

Kepentingan para pengarah

Tiada Pengarah yang menyandang jawatan pada akhir tahun kewangan ini memegang saham atau berurus niaga dalam saham Syarikat dan perbadanan-perbadanan yang berkaitan sepanjang tahun kewangan ini.

Manfaat para pengarah

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah Syarikat telah menerima atau menjadi layak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau kena dan boleh diterima oleh para Pengarah seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan) disebabkan satu kontrak yang diikat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan pengarah itu atau satu firma di mana pengarah itu adalah seorang ahli, atau dengan satu syarikat di mana pengarah itu mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

Tiada pengaturan dibuat sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini di mana Syarikat adalah salah satu pihak, dengan tujuan atau tujuan-tujuan untuk membolehkan para Pengarah Syarikat memperolehi manfaat melalui pemerolehan saham Syarikat atau mana-mana badan korporat yang lain.

Opsyen yang dikurniakan bagi saham yang belum diterbitkan

Tiada opsyen dikurniakan kepada mana-mana pihak untuk memperolehi saham Syarikat yang belum diterbitkan sepanjang tahun ini.

Syarikat induk dan induk muktamad

Para Pengarah menganggap PanGlobal Berhad, satu syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan dalam Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, sebagai syarikat induk dan induk muktamad.

No. Syarikat 9538-M

Peristiwa berikutan

i) Pemindahan portfolio perniagaan insurans yang dicadangkan

Pada 15 Ogos 2008, Syarikat telah menandatangani satu Perjanjian Pemindahan Portfolio Perniagaan (“Perjanjian”) dengan Tokio-Marine Insurans (Malaysia) Berhad (“TMIM”) bagi jualan perniagaan insurans amnya kepada TMIM dengan harga tunai berjumlah RM15 juta. Di bawah Perjanjian tersebut dan satu perjanjian tambahan bertarikh 13 November 2008, jualan itu hendaklah dilaksanakan melalui satu Skim Pemindahan menurut Akta Insurans 1996. Pada 1 Februari 2009, segala kelulusan pihak berkuasa telah diperolehi dan syarat-syarat prajadi kepada Perjanjian telah disempurnakan.

Syarikat, setelah mengemukakan permohonan kepada Mahkamah Tinggi, dapat memperoleh Perintah Perletakhakan yang mengesahkan Tarikh Pemindahan pada 01 Februari 2009. Ekoran itu, pada 01 Februari 2009, Syarikat telah memindahkan perniagaan insurans am kepada TMIM dan dengan itu terhenti mengendalikan perniagaan insurans amnya.


ii) Pelupusan harta sisa yang dicadangkan

Pada 21 November 2008, PanGlobal Berhad, syarikat induk yang muktamad telah mengemukakan satu Cadangan Skim Penyusunan Semula Yang Dipinda (“PRRS”) kepada Suruhanjaya Sekuriti. Di bawah PRRS, baki harta Syarikat yang tidak dipindahkan kepada TMIM menurut Perjanjian Pemindahan Portfolio Perniagaan akan dilupuskan. Hasil daripada jualan dan pelupusan baki harta akan digunakan sebahagiannya membayar balik sipiutang skim di bawah PRRS. Akibatnya, Syarikat akan menjadi lengai.


Juru audit

Juru audit, Tetuan KPMG, telah menyatakan kerelaan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut satu usul para Pengarah:



Y. Bhg. Datuk Michael Bong Thiam Joon



Kelvin Philip Ong Chiang Beng

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: 13 Mac 2009

PanGlobal Insurance Berhad

(No. Syarikat 9538-M)

(Diperbadankan di Malaysia)

Lembaran imbalan pada 31 Disember 2008

	Nota	2008 RM'000	2007 RM'000
Harta			
Hartanah dan peralatan	3	-	3,537
Bayaran pajakan terdahulu	4	-	336
Harta tidak ketara	5	-	559
Hartanah pelaburan	6	-	45,630
Pelaburan dalam sekuriti hutang	7	9,104	199,494
Jumlah belum terima	9	5,445	11,984
Cukai boleh pulih		1,112	2,961
Harta dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	25	207,496	-
Tunai dan tunai setara		8,481	1,871
		<hr/>	<hr/>
Jumlah harta		231,638	266,372
		=====	=====
Tanggungan			
Peruntukan bagi tuntutan yang belum dibayar	10	-	97,417
Jumlah belum bayar	11	9,152	17,922
Manfaat persaraan	12	-	1,302
Tanggungan dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	25	130,759	-
		<hr/>	<hr/>
Jumlah tanggungan		139,911	116,641
		-----	-----
Rizab insurans			
Rizab premium tidak diperolehi	13	-	36,578
		-----	-----
Ekuiti pemegang saham:			
Modal saham	14	100,000	100,000
(Kerugian terkumpul)// Keuntungan tertahan		(8,273)	13,153
		<hr/>	<hr/>
		91,727	113,153
		-----	-----
Jumlah tanggungan dan ekuiti pemegang saham		231,638	266,372
		=====	=====

Lembaran imbalan diatas hendaklah dibaca bersama nota-nota kepada penyata kewangan yang dinyatakan dalam muka surat 14 hingga 48 .

PanGlobal Insurance Berhad

(No. Syarikat 9538-M)

(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

<u>Operasi Terhenti</u>	Nota	2008 RM'000	2007 RM'000
Hasil pengendalian	15	101,611 =====	102,768 =====
Dana pemegang saham			
Pendapatan pelaburan	18	2 -----	2 -----
		2	2
Pindahan daripada akaun hasil insurans		(21,714) -----	11,745 -----
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai		(21,712)	11,747
Perbelanjaan cukai	20	286 -----	(1,367) -----
(Kerugian)/Keuntungan bersih bagi tahun		(21,426) =====	10,380 =====

Penyata pendapatan tersebut hendaklah dibaca bersama nota-nota kepada penyata kewangan dalam muka surat 14 hingga 48.

PanGlobal Insurance Berhad

(No. Syarikat 9538-M)

(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata perubahan ekuiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

	Modal Saham RM'000	Keuntungan tertahan/ (Kerugian terkumpul) RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2007	100,000	2,773	102,773
Keuntungan bersih bagi tahun	-	10,380	10,380
Pada 31 Disember 2007/1 Januari 2008	100,000	13,153	113,153
Kerugian bersih bagi tahun	-	(21,426)	(21,426)
Pada 31 Disember 2008	100,000	(8,273)	91,727
	=====	=====	=====
	Nota 14		

Penyata perubahan ekuiti tersebut hendaklah dibaca bersama nota-nota kepada penyata kewangan dalam muka surat 14 hingga 48.

PanGlobal Insurance Berhad

No. Syarikat 9538-M)
(Diperbadankan di Malaysia)

Akaun hasil insurans am bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Operasi Terhenti

Nota	Kebakaran		Kenderaan		Penerbangan & Transit		Perkapalan,		Pelbagai		Jumlah	
	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Premium kasar	4,512	4,708	77,788	78,987	685	691	8500	8,637	91,485	93,023		
Tolak: Penginsurans semula	(2,278)	(1,958)	(6,941)	(6,547)	(527)	(541)	(1,920)	(2,048)	(11,666)	(11,094)		
Premium bersih	2,234	2,750	70,847	72,440	158	150	6,580	6,589	79,819	81,929		
Kurangan/(Tambahan) dalam Rizab premium tidak diperolehi	219	(74)	2,004	1,591	1	14	281	(478)	2,505	1,053		
Premium diperolehi	2,453	2,676	72,851	74,031	159	164	6,861	6,111	82,324	82,982		
Tuntutan bersih ditanggung 21	(1,168)	(743)	(52,951)	(44,976)	(125)	(42)	(3,254)	(2,785)	(57,498)	(48,546)		
Komisen bersih	(320)	(415)	(6,630)	(6,633)	(12)	3	(1,623)	(1,348)	(8,585)	(8,393)		
	(1,488)	(1,158)	(59,581)	(51,609)	(137)	(39)	(4,877)	(4,133)	(66,083)	(56,939)		
Lebihan pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan bawa ke hadapan	965	1,518	13,270	22,422	22	125	1,984	1,978	16,241	26,043		

No. Syarikat 9538-M

Akaun hasil insurans am bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

(disambungkan)

Nota	Kebakaran		Kenderaan		Perkapalan, Penerbangan & Transit		Pelbagai		Jumlah	
	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Lebih pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan di bawa ke hadapan	965	1,518	13,270	22,422	22	125	1,984	1,978	16,241	26,043
Perbelanjaan pengurusan									(29,876)	(32,021)
Defisit pengunderaitan Pendapatan pelaburan (Perbelanjaan)/Pendapatan yang lain - bersih									(13,635)	(5,978)
Pindahan kepada penyata pendapatan									10,124	9,743
									(18,203)	7,980
									(21,714)	11,745

Akaun hasil insurans am tersebut hendaklah dibaca bersama nota-nota kepada penyata kewangan dalam muka surat 14 hingga 48.

PanGlobal Insurance Berhad

(No. Syarikat 9538-M)

(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

<u>Operasi Terhenti</u>	2008	2007
	RM'000	RM'000
Aliran tunai daripada kegiatan operasi		
(Kerugian)/Keuntungan sebelum percukaian	(21,712)	11,747
Pelarasan bagi:		
Pertambahan diskaun tolak pelunasan premium	(142)	(130)
Pelunasan harta tidak ketara	633	2,353
Pelunasan bayaran pajakan yang dibayar terdahulu	5	5
Hutang lapuk dihapus kira	1,348	-
Perubahan nilai hartanah pelaburan	12,825	100
Susutan nilai hartanah dan peralatan	2,508	2,091
Pengurangan rizab premium tidak diperolehi	(2,505)	(1,053)
Keuntungan daripada pelupusan hartanah dan peralatan	(33)	(110)
Harta tidak ketara dihapus kira	-	3,323
Perbelanjaan faedah	60	64
Pendapatan faedah dan dividen	(8,100)	(7,892)
Kerugian akibat pelupusan pelaburan	5,288	3,754
Hartanah dan peralatan dihapus kira	6	199
Peruntukan hutang ragu di masuk kira semula	(3,092)	(297)
Peruntukan (Masuk kira semula) kemerosotan nilai pelaburan	3,261	(16,648)
	-----	-----
Kerugian daripada operasi sebelum perubahan harta dan tanggungan operasi	(9,650)	(2,494)
Pembelian pelaburan	(55,801)	(93,254)
Hasil jualan pelaburan	128,079	50,160
Hasil penebusan pelaburan	-	19,032
Pengurangan tuntutan yang belum dibayar	(7,644)	(5,269)
(Pertambahan)/Pengurangan deposit tetap	(55,130)	15,823
Pengurangan jumlah boleh diterima	1,618	6,177
Pengurangan jumlah kena dibayar	(1,727)	(683)
Pengurangan peruntukan bagi manfaat persaraan	(1,302)	(19)
	-----	-----
Tunai digunakan dalam operasi	(1,557)	(10,527)
Faedah dan dividen yang diterima	7,086	7,206
Faedah dibayar	(60)	(64)
Bayaran balik cukai	2,389	2,153
	-----	-----
Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) kegiatan operasi	7,858	(1,232)
	-----	-----

No. Syarikat 9538-M

Penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

(disambungkan)

	2008 RM'000	2007 RM'000
Aliran tunai daripada kegiatan pelaburan		
Hasil jualan hartanah dan peralatan	49	450
Pembelian hartanah dan peralatan	(1,061)	(520)
Pembelian harta tidak ketara	(236)	(4)
	-----	-----
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	(1,248)	(74)
	-----	-----
Pertambahan (pengurangan) bersih tunai dan tunai setara	6,610	(1,306)
Tunai dan tunai setara pada awal tahun	1,871	3,177
	-----	-----
Tunai dan tunai setara pada akhir tahun	8,481	1,871
	=====	=====

Penyata aliran tunai tersebut hendaklah dibaca bersama nota-nota kepada penyata kewangan dalam muka surat 14 hingga 48.

PanGlobal Insurance Berhad

(No. Syarikat 9538-M)

(Diperbadankan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan

PanGlobal Insurance Berhad ialah satu syarikat awam berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Alamat pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utamanya adalah seperti berikut:

Level 33, Menara PanGlobal
No. 8, Lorong P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
Malaysia

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan insurans am. Tidak terdapat perubahan penting terhadap sifat kegiatan tersebut sepanjang tahun kewangan ini.

Syarikat induk dan induk muktamad ialah PanGlobal Berhad, satu syarikat yang diperbadankan di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Penyata kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 13 Mac 2009.

1. Asas penyediaan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS), prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, Akta Insurans 1996, Peraturan-peraturan Insurans 1996 dan Pekeliling-pekelling Garispanduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Syarikat tidak melaksanakan piawaian-piawaian perakaunan berikut (termasuk pindaan-pindaan lanjutannya) dan tafsiran yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) tetapi masih belum berkuatkuasa lagi:

FRSs / Tafsiran	Tarikh berkuatkuasa
FRS 4, Kontrak-kontrak Insurans	1 Januari 2010
FRS 7, Pendedahan : Instrumen-instrumen Kewangan	1 Januari 2010
FRS 8, Segmen Operasi	1 Julai 2009
FRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	1 Januari 2010
IC Tafsiran 9, Penilaian Semula Derivatif Terjalin	1 Januari 2010
IC Tafsiran 10, Pelaporan Kewangan Sementara dan Kemosrotan	1 Januari 2010

Syarikat merancang akan melaksanakan FRS/Tafsiran tersebut bagi tempoh tahunan mulai 01 January 2010, kecuali FRS 4 and FRS 8 yang mana adalah tidak terpakai.

1. Asas penyediaan (disambungkan)

(a) Penyata pematuhan (disambungkan)

Kesan melaksanakan FRS 7 and FRS 139 terhadap penyata kewangan pada pertama kalinya diterimapakai seperti mana yang diperlukan oleh perenggan 30(b) FRS 108, *Dasar Perakaunan, Perubahan Anggaran Perakaunan dan Kesilapan* tidak didedahkan kerana diberi pengecualian dalam FRS masing-masing. Pemakaian tafsiran-tafsiran tersebut pertama kalinya dijangka tidak membawa kesan penting terhadap penyata kewangan Syarikat.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan ini disediakan berasaskan kos sejarah kecuali Hartanah pelaburan seperti mana yang di nyatakan dalam Nota 2(c).

Harta dan tanggungan insurans am berhubungkait dengan kedua-dua Kumpulanwang Insurans Am dan Dana Pemegang Saham.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang fungsian Syarikat. Segala maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan digenapkan kepada ribu yang berhampiran, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Kegunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang membawa kesan terhap pemakaian dasar perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi harta, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar boleh berbeza dengan anggaran tersebut.

Anggaran dan andaian dikaji semula secara berterusan. Pindaan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh dimana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang terlibat.

Tidak terdapat bidang ketidakpastian anggaran yang penting dan pertimbangan kritikal semasa melaksanakan dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting terhadap jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada apa yang didedahkan dalam nota berikut:

Nota 2(c)(iii) - Penilaian hartanah pelaburan

Nota 2(i) - Peruntukan bagi tuntutan yang belum dibayar

2. Dasar perakaunan yang penting

Dasar perakaunan yang dinyatakan berikut telah diguna pakai secara tekal bagi segala tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan, dan telah diguna pakai secara tekal oleh Syarikat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Hartanah, loji dan peralatan

(i) *Pengiktirafan dan pengukuran*

Hartanah, loji dan peralatan kecuali tanah pegangan bebas dinyatakan pada kos atau penilaian tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul, jika ada. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilai dan dinyatakan pada kos tolak kerugian kemerosotan terkumpul, jika ada.

Syarikat telah mengambil faedah peruntukan peralihan apabila MASB pertamanya menerima pakai IAS 16, Hartanah, Loji dan Peralatan dalam 1998. Tanah pegangan bebas dan bangunan tertentu telah dinilai semula dalam 1981 dan tiada penilaian kemudiannya direkodkan bagi hartanah, loji dan peralatan (kecuali dalam kes di mana pelarasan kemerosotan berdasarkan penilaian).

Kos termasuk perbelanjaan yang dikaitkan secara langsung kepada pemerolehan harta.

Apabila bahagian-bahagian penting bagi sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berbeza, mereka diperakaunkan sebagai butiran hartanah, loji dan peralatan yang berasingan (komponen utama).

Keuntungan dan kerugian pelupusan sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan dipastikan dengan membandingkan hasil pelupusan dengan nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan dan diiktirafkan secara bersih bersama “pendapatan yang lain” atau “perbelanjaan operasi yang lain” masing-masing dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

2. Dasar perakaunan yang penting (disambungkan)

(a) Hartanah, loji dan peralatan (disambungkan)

(ii) *Susutnilai*

Susutnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan mengikut kaedah garisan lurus berdasarkan anggaran hayat berguna bagi setiap bahagian butiran hartanah, loji dan peralatan. Harta pajakan disusutnilai berdasarkan tempoh pajakan atau hayat berguna yang mana lebih singkat. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilai.

Anggaran hayat berguna bagi tempoh semasa dan tempoh bandingan adalah seperti berikut:

Bangunan	50 tahun
Kenderaan	5 tahun
Perabot, kelengkapan, peralatan pejabat dan hawa dingin	5-6 tahun
Komputer	5 tahun
Pengubahsuaian	5 tahun

Jumlah yang boleh disusutnilai dipastikan selepas menolak nilai sisa. Kaedah susutnilai, hayat berguna dan nilai sisa dinilai semula pada tarikh lembaranimbangan.

(b) Harta Tidak Ketara

(i) *Pengiktirafan dan pengukuran*

Perisian komputer yang tidak merupakan sebahagian fungsi peralatan yang berkaitan dikelaskan sebagai harta tidak ketara. Harta tidak ketara dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kemerosotan, jika ada.

Perbelanjaan selanjutnya bagi harta tidak ketara yang dipermodalkan hanya dipermodalkan sahaja sekiranya ia meningkatkan manfaat ekonomi pada masa hadapan terkandung dalam harta spesifik yang berkaitan. Segala perbelanjaan yang lain diambil kira sebagai perbelanjaan yang ditanggung.

(ii) *Pelunasan*

Pelunasan dicaj sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan mengikut kaedah garisan lurus berdasarkan anggaran hayat berguna harta tidak ketara. Harta tidak ketara dilunaskan mulai tarikh ia tersedia digunakan.

Anggaran hayat berguna bagi tempoh semasa dan tempoh bandingan adalah seperti berikut:

Perisian komputer	5 tahun
-------------------	---------

2. Dasar perakaunan yang penting (disambungkan)

(c) Hartanah pelaburan

(i) *Hartanah pelaburan di bawa pada nilai saksama*

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang di bawah satu kepentingan pajakan untuk memperoleh pendapatan sewa atau untuk tambahan nilai modal atau kedua-duanya. Ini termasuk tanah yang dipegang bagi kegunaan pada masa hadapan yang kini belum dipastikan.

Hartanah pelaburan mulanya diukur pada kos dan selanjutnya nilai saksama dan sebarang perubahan ekornya diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) *Klasifikasi semula kepada/daripada hartanah pelaburan*

Apabila sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan dipindahkan kepada hartanah pelaburan ekoran pertukaran kegunaannya, sebarang perbezaan pada tarikh pemindahan yang berpunca daripada jumlah di antara nilai dibawa bagi butiran baru sahaja sebelum pemindahan dan nilai saksama diiktiraf secara langsung dalam ekuiti sebagai penilaian hartanah, loji dan peralatan. Walau bagaimanapun, sekiranya keuntungan nilai saksama menarik balik sesuatu kerugian kemerosotan, keuntungan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sebaik hartanah pelaburan dilupuskan, sebarang lebihan yang direkodkan sebelumnya dalam ekuiti dipindahkan kepada pendapatan tertahan, pemindahan itu tidak di buat melalui penyata pendapatan.

Apabila kegunaan sesuatu hartanah berubah sehingga ia dikelaskan semula sebagai hartanah, loji dan peralatan, nilai saksamanya pada tarikh klasifikasi semula menjadi kosnya bagi perakaunan selanjutnya.

(iii) *Penentuan nilai saksama*

Satu firma penilaian luaran yang bebas, berkelayakan professional yang sewajarnya dan mempunyai pengalaman baru-baru ini tentang lokasi dan kategori hartanah yang dinilai itu, menilai portfolio hartanah pelaburan sekurang-kurangnya setiap dua belas bulan samada secara penilaian penuh atau kajian meja.

Nilai saksama hartanah pelaburan ditentukan dengan membandingkan nilai semasanya dengan jualan baru-baru ini hartanah yang sama jenis dalam persekitarannya, tertakluk kepada pelarasan sewajarnya bagi perbezaan lokasi, keluasan lantai dan faktor berkaitan yang lain, sebelum menetapkan nilai saksama hartanah pelaburan tersebut. Penentuan pelarasan yang sewajarnya kepada nilai jualan yang baru-baru ini melibatkan pertimbangan, seperti potensi kenaikan kadar sewa, pandangan pasaran hartanah dalam persekitaran itu dan penetapan jenis kegunaan sebelum menetapkan nilai saksama hartanah pelaburan masing-masing. Oleh yang demikian, nilai saksama hartanah pelaburan mungkin berbeza dengan harga pasaran sebenarnya.

2. Dasar perakaunan yang penting (disambungkan)

(d) Harta pajakan

(i) *Pajakan kewangan*

Pajakan dimana Syarikat mengambil alih sebahagian besarnya segala risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pada pengiktirafan permulaan, harta pajakan diukur pada sejumlah bersamaan nilai saksamanya dan nilai kini bagi bayaran pajakan minimum, yang mana lebih rendah. Selepas pengiktirafan permulaan, harta itu diakaunkan menurut dasar perakaunan terpakai untuk harta itu.

Bayaran pajakan minimum yang dibuat dibawah pajakan kewangan diuntukkan diantara perbelanjaan kewangan dan pengurangan tanggungan yang belum bayar. Perbelanjaan kewangan diuntukkan kepada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan supaya menjadi satu kadar faedah berkala yang tetap berdasarkan baki tanggungan itu. Bayaran pajakan luar jangka diakaunkan dengan menyemak bayaran pajakan minimum berdasarkan baki tempoh pajakan apabila pelarasan pajakan disahkan.

(ii) *Pajakan operasi*

Pajakan dimana Syarikat tidak mengambil alih sebahagian besarnya segala risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan operasi dan harta pajakan itu tidak diiktiraf dalam lembaranimbangan Syarikat.

Tanah pajakan yang lazimnya mempunyai hayat ekonomi yang tidak tetap dan hak milik tidak dijangka akan diserahkan kepada penerima pajak pada akhir tempoh pajakan dianggap sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat semasa memasuki atau memperolehi sesuatu tanah pegangan pajak diakaunkan sebagai bayaran pajakan terdahulu untuk dilunaskan berdasarkan baki tempoh pajakan selama 70 tahun menurut pola manfaat yang diberikan, kecuali tanah pegangan pajak yang dikelaskan sebagai hartanah pelaburan.

Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf dalam penyata pendapatan mengikut kaedah garisan lurus berdasarkan tempoh pajakan. Galakan pajakan yang diterima diiktiraf sebagai sebahagian kamiran jumlah perbelanjaan pajakan, berdasarkan tempoh pajakan itu.

2. Dasar perakaunan yang penting (disambungkan)

(e) Pelaburan dalam sekuriti hutang dan ekuiti

Pelaburan dalam sekuriti hutang dan ekuiti diiktiraf permulaannya pada nilai saksama tambah kos urus niaga yang berkaitan.

Selepas pengiktirafan permulaan:

- Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pelaburan yang lain seperti mana ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan dipegang sehingga matang dinyatakan pada kos dilaraskan dengan pelunasan premium atau pertambahan diskaun. Premium/diskaun dikira berdasarkan pulangan malar dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun diiktiraf dalam penyata pendapatan atau akaun hasil.
- Pelaburan yang tersenarai dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah yang ditetapkan berdasarkan agregat portfolio mengikut kategori pelaburan. Peruntukan khusus bagi kemerosotan nilai pelaburan tersenarai akan dibuat, jika ada, apabila nilai pasaran di bawah paras 80% kosnya pada setiap masa sepanjang 24 bulan yang lalu, dengan menurunkan nilai kos bagi pelaburan yang tersenarai itu kepada harga median purata bagi setiap bulan sepanjang tempoh 24 bulan itu.
- Segala pelaburan tidak tersenarai yang lain dinyatakan pada kos. Peruntukan dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa terwujud kemerosotan nilai nya yang tidak berupa sementara.

Bila sesuatu pelaburan dilupuskan, perbezaan diantara hasil bersih pelupusan dan jumlah yang dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Segala pelaburan dalam sekuriti hutang dan ekuiti diakaunkan dengan menggunakan perakaunan berdasarkan tarikh penyelesaian. Perakaunan berdasarkan tarikh penyelesaian merujuk kepada:

- a) pengiktirafan sesuatu harta pada hari ia diterima oleh entiti, dan
- b) pembatalan pengiktirafan sesuatu harta dan pengiktirafan sebarang keuntungan atau kerugian daripada pelupusan pada tarikh ia diserahkan.

2. Dasar perakaunan yang penting (disambungkan)

(f) Kemosrotan

Jumlah di bawa sesuatu harta, kecuali harta kewangan dan hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menetapkan samada terdapat petanda kemosrotan. Sekiranya petanda wujud, maka jumlah yang boleh didapatkan balik bagi harta itu dianggarkan.

Jumlah yang boleh didapatkan balik bagi sesuatu harta atau unit menjana tunai ialah nilai kegunaan dan nilai saksama tolak kos jualan, yang mana lebih tinggi. Dalam menentukan nilai kegunaan, anggaran aliran tunai pada masa hadapan didiskaunkan kepada nilai kini dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa wang dan risiko khusus kepada harta itu. Bagi tujuan ujian kemosrotan, harta dikumpulkan bersama dalam kumpulan harta terkecil yang menjana aliran tunai masuk daripada kegunaan berterusan yang secukupbesarnya bebas daripada aliran tunai masuk bagi harta atau kumpulan harta yang lain (“unit menjana tunai”).

Kerugian kemosrotan diiktiraf sekiranya jumlah di bawa bagi sesuatu harta atau unit menjana-tunai melebihi jumlah yang boleh didapatkan balik melainkan harta itu di bawa pada jumlah yang dinilai semula, di mana kerugian kemosrotan diiktiraf secara langsung terhadap lebihan penilaian semula bagi harta itu sehingga kerugian kemosrotan tidak melebihi jumlah lebihan penilaian semula bagi harta yang sama itu. Kerugian kemosrotan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian kemosrotan yang diiktiraf bagi unit-unit menjana-tunai diuntukkan pertamanya untuk mengurangkan jumlah di bawa sebarang muhibbah yang diuntukkan kepada unit-unit tersebut dan kemudiannya untuk mengurangkan jumlah di bawa harta yang lain dalam unit itu (kumpulan-kumpulan unit) secara prorata.

Kerugian kemosrotan yang diiktiraf dalam tempoh-tempoh sebelumnya dinilai pada setiap tarikh pelaporan untuk mendapatkan petanda bahawa kerugian tersebut telah dikurangkan atau tidak lagi wujud. Kerugian kemosrotan ditarik balik sekiranya terdapat perubahan anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh didapatkan balik. Kerugian kemosrotan hanya ditarik balik sehingga jumlah di bawa harta itu tidak melebihi jumlah di bawa yang sepatutnya ditentukan, tolak susutnilai atau pelunasan, sekiranya tiada kerugian kemosrotan diiktiraf. Penarikbalikan kerugian kemosrotan dikreditkan kepada penyata pendapatan dalam tahun penarikbalikan itu diiktiraf.

(g) Jumlah boleh diterima

Jumlah boleh diterima pada mulanya diiktiraf pada kos apabila hak kontrak untuk menerima tunai atau harta kewangan yang lain daripada entiti lain ditetapkan.

Selepas pengiktirafan permulaan, jumlah boleh diterima dinyatakan pada kos tolak peruntukan bagi hutang ragu. Jumlah boleh terima tidak dipegang bagi tujuan perniagaan.

2. Dasar perakaunan yang penting (disambungkan)

(g) Jumlah boleh diterima (disambungkan)

Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan khusus bagi hutang ragu disediakan bagi premium termasuk wakil dan baki penginsurans semula yang masih tertunggak melebihi enam bulan (kecuali baki premium kenderaan yang tertunggak melebihi 30 hari) dari tarikh ia menjadi boleh diterima dan bagi segala hutang yang dianggap ragu.

(h) Manfaat Pekerja

Manfaat pekerja jangka pendek

Obligasi bagi manfaat pekerja jangka pendek dari segi gaji, bonus tahunan, cuti tahunan bergaji dan cuti sakit diukur tanpa berdiskaun dan dicaj sebagai perbelanjaan pada masa perkhimatan yang berkaitan diberikan.

Sesuatu peruntukan diiktiraf bagi jumlah yang dijangka akan dibayar di bawah rancangan kongsi keuntungan atau bonus tunai jangka pendek sekiranya Syarikat mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif pada masa ini untuk membayar jumlah itu kerana perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja pada masa lepas dan obligasi itu boleh di anggarkan tepat.

Sumbangan Syarikat kepada kumpulan wang pencen berkanun dikenakan kepada penyata pendapatan dalam tahun yang berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan dibayar, Syarikat tidak lagi mempunyai tanggungjawab bayaran.

(i) Keputusan pengunderaitan insurans am

Keputusan pengunderaitan insurans am dipastikan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira di antara yang lain penginsurans semula, komisen, premium tidak diperolehi dan tuntutan tertanggung.

Pendapatan premium

Premium diiktiraf dalam suatu tahun kewangan berdasarkan tarikh mula insurans bagi risiko-risiko yang dilindungi itu semasa tahun kewangan yang tertentu.

2. Dasar perakaunan yang penting (disambungkan)

(i) Keputusan pengunderaitan insurans am (disambungkan)

Rizab Premium Tidak Diperolehi

Rizab Premium Tidak Diperolehi (UPR) merupakan bahagian premium bersih polisi-polisi insurans yang diunderaitkan berhubungkait dengan tempoh polisi yang belum luput pada akhir tahun kewangan ini. Dalam pada memastikan UPR pada tarikh lembaran imbangan, kaedah yang mencerminkan paling tepat sekali premium tidak diperolehi yang sebenarnya telah digunakan dan adalah seperti berikut:

- (i) kaedah 1/24 bagi perniagaan polisi am Malaysia dikurangkan dengan peratusan komisen langsung kasar yang telah diakaunkan tidak melebihi had-had yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Pengiraan UPR dilaraskan bagi UPR tambahan sepertimana yang dikehendaki di bawah garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia mengenai premium yang diserahkan kepada penginsurans semula.

Peruntukan bagi tuntutan

Sesuatu tanggungan bagi tuntutan yang belum dibayar diiktiraf dari segi keduanya insurans langsung dan penginsurans masuk. Peruntukan bagi tuntutan yang belum dibayar merangkumi kos yang dianggarkan bagi segala tuntutan bersama perbelanjaan yang berkaitan tolak pungutan balik untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh lembaran imbangan.

Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan, bersama perbelanjaan tertanggung yang berkaitan tetapi tidak dilaporkan pada tarikh lembaran imbangan, dengan menggunakan kaedah peranggaran matematik yang dilaksanakan oleh actuari bebas yang berkelayakan.

Peranggaran peruntukan bagi tuntutan yang belum dibayar, melibatkan unjuran tuntutan yang dialami oleh Syarikat pada masa hadapan berdasarkan pengalaman tuntutan semasa. Seperti dengan segala unjuran, terdapat unsure-unsur ketidakpastian dan oleh itu pengalaman tuntutan pada masa hadapan yang diunjurkan itu mungkin berbeza dengan pengalaman tuntutan sebenarnya kerana paras ketidakpastian yang terlibat dalam pengunjuran pengalaman tuntutan pada masa hadapan berdasarkan pengalaman tuntutan yang lepas dan amalan pengunderaitan.

Ketidakpastian tersebut berpunca daripada perubahan risiko dasar, perubahan liputan risiko, penyelesaian tuntutan dan juga ketidakpastian model unjuran dan andaian-andaian dasar.

2. Dasar perakaunan yang penting (disambungkan)

(i) Keputusan pengunderaitan insurans am (disambungkan)

Kos pemerolehan

Kos memerolehi dan membaharui polisi insurans tolak pendapatan yang diterbitkan daripada premium penginsurans semula yang diserahkan diiktiraf sebagai tertanggung dan diuntukkan sewajarnya kepada tempoh-tempoh dalam mana ia berkemungkinan menghasilkan pendapatan.

Kos pemerolehan atau pendapatan serahan yang tidak boleh didapatkan balik atau tidak kena dibayar apabila berlakunya penamatan polisi yang berkaitan tidak ditunda tetapi diiktiraf dalam tempoh mana ia berlaku.

(j) Pengiktirafan pendapatan yang lain

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan perkadaran masa yang mengambil kira kadar hasil harta yang berkesan.

Pendapatan dividen merupakan dividen kasar daripada pelaburan yang tersenarai dan tidak tersenarai dan diiktiraf pada masa hak untuk menerima bayaran ditetapkan.

Pendapatan sewa diiktiraf dalam penyata pendapatan sebaik ia terakru berdasarkan syarat-syarat perjanjian kecuali berlakunya kemungkiran bayaran sewa dan sewa masih tertunggak melebihi enam bulan, di mana dalam kes itu pengiktirafan pendapatan digantungkan. Berikutan penggantungan, pendapatan diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga segala tunggakan dijelaskan.

(k) Jumlah boleh bayar

Jumlah boleh bayar diukur pada mulanya dan selanjutnya pada kos. Jumlah boleh bayar diiktiraf apabila terwujud tanggungjawab berkontrak untuk menyerahkan tunai atau harta kewangan kepada entiti yang lain.

2. Dasar perakaunan yang penting (disambungkan)

(l) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai merangkumi cukai semasa dan tertunda. Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali sehingga ia berkaitan butiran-butiran yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana dalam kes itu ia diiktiraf dalam ekuiti.

Cukai semasa ialah cukai yang dijangka boleh dibayar bagi pendapatan bercukai tahun ini, berdasarkan kadar-kadar cukai yang diluluskan atau secukup besarnya diluluskan pada tarikh lembaran imbangan, dan sebarang pelarasan cukai boleh bayar mengenai tahun-tahun terdahulunya.

